

21/07/1998

Mahathir selar pembangkang tiada idea

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar parti pembangkang kerana kurang mencetus idea bernas dalam mengkritik pimpinan kerajaan.

Perdana Menteri menyifatkan mutu parti pembangkang begitu rendah, malah keadaan itu dianggap sebagai `tragedi negara`.

Selain itu, beliau berkata, parti pembangkang menjadi `ejen orang asing` di negara sendiri serta berasa seronok melihat negara menghadapi masalah hanya kerana ingin mengaut beberapa undi.

"Mutu parti pembangkang begitu rendah. Tidak ada yang keluar (dari mulut mereka) adalah bernas. Inilah tragedi Malaysia, tidak ada parti pembangkang yang berguna," katanya menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) di Dewan Rakyat, di sini hari ini.

Lim sebelum itu mengemukakan soalan kononnya kerajaan tidak berjaya memulihkan keyakinan, malah enggan mengakui adanya kesilapan, kelemahan dasar serta pelaksanaan dalam langkah mengatasi kegawatan ekonomi negara.

Serentak itu, dewan menjadi gemuruh apabila Lim mengambil masa yang lama untuk mengemukakan soalan yang mudah kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir kemudian menjawab:

"Nampaknya YB dari parti pembangkang tidak begitu cekap bertutur kata, sebab itu soalan yang pendek sudah dijadikan panjang.

"Ini tidak menghairankan kerana YB sama dengan burung tiang yang pandai berkata-kata dan dengan itu apa saja yang disebut di dalam akhbar asing maka diapun menyuarakannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau sendiri tidak pernah mendengar pemimpin itu menggunakan perkataan `sindrom menolak`, korupsi dan nepotisme sebelum ia digunakan dalam akhbar asing.

"YB berkata kita ada sindrom menolak, kita tidak menolak, yang menolak adalah YB sendiri kerana dialah yang mengamalkan nepotisme.

"Sudah adapun hak untuk masa depan, anak sendiri akan ambil tempat. Inilah nepotisme terbesar yang dapat dilihat.

"Tetapi sementara dia berkata kita tidak percaya apa yang ada di dalam akhbar, dia juga nampak tak percaya apabila akhbar melaporkan nepotisme yang diamalkan olehnya... segala-galanya tutup mulut, tak boleh bercakap.

"Ini adalah suatu denial syndrome dia tak mahu akui benda yang benar, sebaliknya kita akui dan bercakap terus-terang menidakkan benda yang tidak ada," katanya.

Menjawab soalan tambahan Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Pokok Sena), Perdana Menteri berkata, parti pembangkang hanya menggunakan apa juga keburukan yang berlaku dalam negara sebagai modal.

"Disebabkan itu mereka mendakwa dalam pilihan raya akan datang, mereka akan mendapat kemenangan yang besar.

"Kalau kita tanya kepada diri kita, siapakah yang akan memberi kemenangan kepada mereka, tentulah orang asing yang menimbulkan masalah dengan negara kita," katanya.

(END)